# Ismail Awang lwn Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 21–08 TAHUN 1999
HASAN H
18 FEBRUARI 2002

***Undang-Undang Buruh*** *— Penggajian — Pembuangan kerja — Prosiding disiplin — Pekerja tiada hak untuk membuat representasi tentang hukuman — Sama ada doktrin harapan sah terpakai — Sama ada aduan tentang komplot untuk menganiaya plaintif relevan semasa penghukuman — Sama ada tindakan tatatertib mesti diambil berdekatan dengan tarikh perlanggaran peraturan kerja*

Plaintif pada semua masa yang material, sebelum pembuangan kerjanya, merupakan seorang Pegawai Penjara yang bertugas di Penjara Alor Setar, Kedah Darul Aman sebelum ditukarkan ke Penjara Marang, Terengganu. Defendan pertama telah menghantar satu surat bertarikh 29 Julai 1998 kepada plaintif yang memaklumkan kepada beliau bahawa tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya. Plaintif telah membuat satu representasi bertulis terhadap pertuduhan di dalam surat tunjuk sebab tersebut melalui satu surat. Seterusnya, melalui satu surat, defendan pertama telah mendapati plaintif bersalah ke atas pertuduhan di dalam surat tunjuk sebab tersebut dan plaintif diberi peluang untuk membuat rayuan sebelum hukuman dijatuhkan, di dalam tempoh 21 hari dari tarikh plaintif menerima surat tersebut. Plaintif telah membuat satu rayuan kepada defendan kedua dan defendan kedua telah menolak rayuan plaintif. Plaintif dalam kes ini mendakwa bahawa keputusan defendan pertama dan defendan kedua adalah salah di sisi undang-undang, batal dan tidak sah.

**Diputuskan**:

(1) Dalam kes ini, surat bertarikh 29 Julai 1998 daripada defendan pertama dengan jelas mengatakan bahawa plaintif patut dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat. Oleh yang demikian, defendan pertama tidak melakukan apa-apa kesilapan dalam prosedur kerana sememangnya plaintif tiada hak berasingan untuk membuat representasi tentang hukuman (lihat ms 561B–C).

(2) Mahkamah berpendapat doktrin harapan yang sah tidak terpakai dalam kes-kes tindakan tatatertib kerana kes-kes tindakan tatatertib tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('peraturan tersebut'). Lembaga tatatertib hanya perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan tersebut. Lagipun tiada kes di Malaysia yang telah menerimapakai doktrin tersebut dalam kes-kes tindakan tatatertib di bawah peraturan tersebut (lihat ms 561D–E).

(3) Aduan plaintif kepada defendan kedua, ke atas tingkah laku pegawai atasannya yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul, menganiaya plaintif dan plaintif mendakwa pegawai atasannya membuat pakatan atau konspirasi pihak atasannya terhadapnya bukanlah merupakan rayuan untuk meringankan hukuman tetapi lebih merupakan pembelaan. Pada masa itu pembelaan tidak lagi relevan kerana plaintif telahpun didapati bersalah (lihat ms 561F–G).

(4) Prinsip dalam kes *Morgan a/l Perumal v K/I Hussein bin Abdul Majid & Ors* [1998] 3 MLJ 335 iaitu aktiviti-aktiviti jenayah perayu mestilah berdekatan dengan tarikh perintah penahanan tidak terpakai dalam kes tindakan disiplin. Ini kerana dalam kes perintah penahanan seseorang ditahan bagi mencegah dia daripada bertindak dalam mana-mana cara yang menjejaskan ketenteraman awam. Oleh itu aktiviti-aktiviti jenayahnya mestilah berdekatan dengan tarikh perintah penahanannya. Walau bagaimanapun dalam kes tindakan disiplin, ia bertujuan untuk mengenakan hukuman ke atas seseorang kerana melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Bab D peraturan tersebut. Oleh yang demikian tidak wujud ketidakadilan prosedur melalui kelewatan sedemikian. Di bawah peraturan tersebut, tidak dinyatakan tempoh bagi sesuatu tindakan tatatertib diambil terhadap seseorang pegawai kerana melanggar peraturan kerja (lihat ms 562B–D).

[**English summary**

At all material times, before the plaintiff was dismissed from his job, the plaintiff was the Prison Officer at the Alor Setar Prison, Kedah Darul Aman before being transferred to Marang Prison, Terengganu. The first defendant sent a letter dated 29 July 1998 to the plaintiff informing the plaintiff that disciplinary action would be taken against him. The plaintiff made a written representation in his letter against the charge in the show cause letter. The defendant subsequently, by a letter, found the plaintiff guilty upon the charge in the show cause letter and the plaintiff was given an opportunity to make an appeal before sentence was passed, within 21 days from the receipt of the letter by the plaintiff. The plaintiff made an appeal to the second defendant and the second defendant rejected the appeal. The plaintiff in this case stated that the decision of the first and second defendants were wrong in law, null and void.

**Held**:

(1) In this case, the letter dated 29 July 1998 from the first defendant clearly stated that disciplinary proceedings ought to be imposed upon the plaintiff by dismissal or a demotion. Thus, the first defendant had not erred in procedure because the plaintiff had no

separate right to make representations about sentence (see p 561B–C).

(2) The court was of the opinion that the doctrine of legitimate expectation was not applicable in cases of disciplinary proceedings because cases of disciplinary proceedings were governed by the procedures provided in the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 ('the regulations'). The Disciplinary Board had to comply with the procedures provided under the regulations. Furthermore, there were no cases in Malaysia that had applied the doctrine in cases of disciplinary proceedings under the regulations (see p 561D–E).

(3) The plaintiff's complaint to the second defendant concerning the conduct of his superior officer, who did not perform his duties correctly, abused the plaintiff and the plaintiff also stated that his superior officer had made a pact or conspiracy with other superior officers against him, were not pleas in mitigation but were actually defence. At that stage, defence was irrelevant as the plaintiff had been found guilty (see p 561F–G).

(4) The principle in *Morgan a/l Perumal v K/I Hussein bin Abdul Majid & Ors* [1998] 3 MLJ 335, ie that the criminal activities of the appellant must be close to that date of the detention order, was not applicable in cases of disciplinary action. This was because in the case of a detention order, a person was detained to prevent him from acting in a way that could threaten the peace. Thus, criminal activities must be close to the date of the detention order. However, in cases of disciplinary action, it aimed to punish a person who had breached the regulations provided under Chap D of the regulations. Thus, there was no procedural injustice by that delay. Under the regulations there was no time period for a disciplinary action taken against an officer for a breach of work regulations (see p 562B–D).]

[*Nota Editor*: Plaintif telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui Rayuan Sivil No K–01–77 tahun 2001.]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 813–832.

**Kes-kes yang dirujuk**

*A-G of Hong Kong v Ng Yuen Shiu* [1983] 2 AC 629 (refd)

*Inspector General of Police & Anor v Alan Noor bin Kamat* [1998] 1 MLJ 260 (refd)

*Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang v Utra Badi a/l K Perumal* [2001] 2 MLJ 417 (refd)

*Lim Gais Khee v R* [1959] MLJ 206 (refd)

*Morgan a/l Perumal v K/I Hussein bin Abdul Majid & Ors* [1998] 3 MLJ 335 (refd) A

*PP v Lee Pak* [1937] MLJ 265 (refd)

**Undang-undang yang dirujuk**

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan-peraturan 4(2)(g), (i), 28(1), (2) B

*Jagdeep Singh Deo* (*Karpal Singh & Co*) untuk pihak plaintif.

*Lokman bin Zainudin* (Peguam Persekutuan) untuk pihak defendan-defendan.

C

**Hasan PK**: Melalui tindakan ini, plaintif memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan relif-relif berikut:

(a) satu pengisytiharan bahawa keputusan defendan pertama bertarikh 2 Disember 1998 adalah batal dan tidak sah dan tidak mempunyai kesan;

D

(b) satu pengisytiharan bahawa keputusan defendan kedua bertarikh 11 Ogos 1999 adalah batal dan tidak sah dan tidak mempunyai kesan;

(c) satu perintah bahawa plaintif masih berkhidmat sebagai pegawai penjara Gred KX11 Bil 3604 di Penjara Alor Setar, Kedah dan adalah berhak kepada semua gaji tertunggak, faedah-faedah dan emolumen-emolumen sebagai penjawat tugas tersebut;

E

(d) gantirugi am termasuk ganti rugi teruk dan teladan;

(e) kaedah;

(f) kos.

Fakta kes sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah seperti berikut: F

(1) plaintif, pada semua masa yang material sebelum pembuangan kerjanya sepertimana dihuraikan di bawah, merupakan seorang pegawai penjara gred KX 11 Bil 3604, yang bertugas di Penjara Alor Setar, Kedah Darul Aman sebelum ditukarkan ke Penjara Marang, Terengganu; G

(2) defendan pertama ialah Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No 3, Jabatan Penjara Malaysia, iaitu badan tatatertib pertama yang bertanggungjawab ke atas plaintif;

(3) defendan kedua ialah Lembaga Rayuan Tatatertib, Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia iaitu badan rayuan tatatertib kepada mana keputusan defendan pertama dirayu kepada; H

(4) defendan ketiga ialah Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab untuk segala tindakan, pengingkaran-pengingkaran dan/atau peninggalan-peninggalan ejen-ejen, pekerja-pekerja dan/atau perkhidmatan-perkhidmatannya, termasuk tindakan-tindakan, pengingkaran-pengingkaran dan/atau peninggalan-peninggalan defendan-defendan pertama dan kedua; I

(5) defendan pertama telah menghantar satu surat bertarikh 29 Julai 1998 (melalui En Noor Aziz bin Muhammad Noor, iaitu pegawai yang menjaga Penjara Alor Setar, Kedah Darul Aman melalui surat bertarikh 3 Ogos 1998, yang dilampirkan di ms 3 ikatan dokumen plaintif ('IDP') kepada plaintif yang memaklumkan kepada beliau bahawa tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya;

(6) plaintif telah membuat satu representasi bertulis terhadap pertuduhan di dalam surat tunjuk sebab tersebut melalui satu surat yang bertarikh 18 Ogos 1997;

(7) seterusnya, melalui satu surat yang bertarikh 2 Disember 1998 (yang diterima oleh plaintif pada 15 Disember 1998), defendan pertama telah mendapati plaintif bersalah ke atas pertuduhan di dalam surat tunjuk sebab tersebut dan plaintif diberi peluang untuk membuat rayuan sebelum hukuman dijatuhkan di dalam tempoh 21 hari dari tarikh plaintif menerima surat tersebut;

(8) plaintif telah menyediakan satu rayuan bertulis yang bertarikh 20 Disember 1998, sepertimana diminta dan telah cuba menyerahkannya kepada En Noor Aziz bin Muhammad Noor, yang merupakan Timbalan Penguasa Penjara Alor Setar, pada 31 Disember 1998, tetapi menurut En Noor Aziz bin Muhammad Noor, tiada alasan-alasan yang kukuh dalam surat rayuan plaintif tersebut dan seterusnya, menasihatkan dan meminta plaintif membuat dan memfailkan surat rayuan yang baru yang mempunyai hujah-hujah yang lebih konkrit, tetapi plaintif enggan dan gagal berbuat demikian;

(9) plaintif telah membuat satu laporan polis mengenai kejadian tersebut pada 25 Januari 1999 di Balai Polis Alor Setar iaitu Laporan No 986/99;

(10) melalui surat bertarikh 19 Mac 1999, defendan kedua telah mengenakan dan menjatuhkan hukuman buang kerja ke atas plaintif yang berkuatkuasa mulai 26 Februari 1999;

(11) plaintif telah membuat satu rayuan kepada defendan kedua melalui satu surat bertarikh 18 April 1999;

(12) defendan kedua telah menolak rayuan plaintif melalui surat bertarikh 11 Ogos 1999.

Pihak plaintif mendakwa bahawa keputusan defendan pertama dan defendan kedua adalah salah di sisi undang-undang, batal dan tidak sah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

(a) surat pertuduhan terhadap plaintif yang bertarikh 29 Julai 1998 adalah salah di dalam mengemukakan kedua-dua peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan tersebut') sekaligus terhadap plaintif, yang mana telah mengakibatkan beliau tidak dapat menyediakan pembelaan beliau secara efektif terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut, yang berlainan dari segi sifatnya;

(b) defendan pertama telah gagal mematuhi peraturan 28 Peraturan tersebut terutamanya peraturan 28(2) Peraturan tersebut;

(c) defendan kedua telah membuat keputusan bertarikh 11 Ogos 1999 tanpa mengambilkira rayuan plaintif, bercanggah dengan hak-hak asasi beliau untuk didengar rayuannya sebelum keputusan dibuat tentang hukuman yang akan dijatuhkan (selaras dengan maxim perundangan 'audi alteram partem');

(d) pertuduhan di dalam surat bertarikh 29 Julai 1998 dari plaintif pertama adalah lewat ('stale') dan telah menafikan plaintif membela dirinya secara efektif;

(e) defendan lewat memberi keputusannya; dan

(f) kedua-dua defendan pertama dan kedua telah gagal memberi sebab-sebab untuk keputusan mereka yang menafikan plaintif membuat pembelaan yang efektif.

Sebaliknya, pihak defendan menyatakan keputusan-keputusan tersebut adalah betul di sisi undang-undang, tidak batal dan sah.

*Pertuduhan tidak spesifik atau tepat*

Daripada surat tunjuk sebab yang bertarikh 29 Julai 1989 (ms 1–2 IDP, pertuduhan terhadap plaintif adalah seperti berikut:

> PERTUDUHAN
>
> Bahawa tuan, En Ismail bin Awang, Pegawai Penjara Gred KX 11 Bil 3604 semasa bertugas di Penjara Marang, Terengganu telah tidak hadir bertugas mulai 16 Disember 1994 hingga 31 Disember 1995 tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah. Tuan dengan itu telah melanggar peraturan 23(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Perbuatan tersebut boleh diertikan sebagai tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu melanggar tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(g) dan (i) Peraturan-Peraturan yang sama berbunyi seperti berikut:
>
> Seseorang pegawai tidak boleh:
>
> (g) tidak bertanggungjawab
>
> (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.
>
> Jika tuan didapati bersalah ke atas pertuduhan di atas, tuan boleh dihukum mengikut peraturan 38 Peraturan-peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Peguamcara plaintif telah berhujah bahawa dengan menyatakan plaintif telah melanggar kedua-dua peraturan 4(2)(g) dan (i) Peraturan tersebut, pertuduhan terhadap plaintif tidak jelas kerana ia tidak menyatakan bahawa plaintif telah melakukan kesalahan di bawah kedua-dua peraturan tersebut ataupun salah satu daripadanya. Menurut beliau, daripada permukaannya adalah selamat untuk menyatakan bahawa pertuduhan terhadap plaintif adalah di bawah kedua-duanya memandangkan ketiadaan perkataan 'ataupun' selepas pertuduhan pertama.

Beliau seterusnya berhujah bahawa kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan 4(2)(g) dan (i) tersebut adalah kesalahan-kesalahan yang berlainan dan dengan yang demikian, plaintif tidak dapat menjawab pertuduhan tersebut secara spesifik. Akibatnya, proses tatatertib terhadap plaintif adalah cacat. Bagi menyokong hujah tersebut beliau telah merujuk kepada dua kes iaitu *PP v Lee Pak* [1937] MLJ 265 dan *Lim Gais Khee v R* [1959] MLJ 206.

Peguamcara defendan-defendan pula berhujah bahawa tidak ada kesamaran atau kekaburan dalam surat defendan pertama bertarikh 29 Julai 1998 kerana kandungan surat tersebut adalah jelas iaitu plaintif dikehendaki menjawab kedua-dua pertuduhan tersebut.

Setelah menimbang kedua-dua hujah tersebut, saya berpendapat bahawa isu yang telah dibangkitkan itu tidak bermerit. Adalah jelas daripada pertuduhan tersebut, plaintif dikehendaki menjawab pertuduhan di bawah kedua-kedua peraturan tersebut. Surat defendan pertama tersebut menyatakan dengan jelas fakta-fakta pelanggaran tatatertib dan pertuduhan yang dikenakan. Fakta-fakta pelanggaran adalah jelas iaitu plaintif telah gagal hadir bertugas mulai 11 Disember 1994 hingga 31 Disember 1995. Jadi, apa yang plaintif perlu jelaskan ialah sebab-sebab ketidakhadirannya untuk menjalankan tugas dalam tempoh tersebut. Penjelasan ke atas fakta-fakta pelanggaran itu merupakan pembelaan ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut. Oleh yang demikian, adalah tidak berasas dakwaan plaintif bahawa beliau tidak dapat mengemukakan pembelaannya secara spesifik.

*Kegagalan mematuhi peraturan 28(2)*

Peraturan 28(1) dan (2) Peraturan tersebut memperuntukkan:

> (1) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan yang bersidang untuk menimbangkan suatu kes yang pelanggaran tatatertib yang diadukan adalah jenis yang patut dikenakan suatu hukuman buang kerja atau turun pangkat hendaklah menimbangkan segala maklumat yang ada dan jika didapati bahawa terdapat suatu kes prima facie terhadap pegawai itu untuk dibuang kerja atau diturunkan pangkat Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengarahkan supaya suatu pernyataan yang mengandungi fakta-fakta pelanggaran tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pegawai itu dan apa-apa alasan yang dicadangkan yang berdasarkannya pegawai itu hendak dibuang kerja atau diturunkan pangkat dihantarkan kepada pegawai itu dan pegawai itu hendaklah membuat satu representasi bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang berdasarkannya pegawai itu bergantung untuk membebaskan dirinya dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan pertuduhan itu.
>
> (2) Jika selepas menimbangkan representasi yang dibuat menurut subperaturan (1), Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa pelanggaran tatatertib atau salahlaku oleh pegawai itu tidak patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan bolehlah mengenakan ke atas pegawai itu apa-apa hukuman yang lebih ringan yang difikirkan sesuai dan patut.

Menurut peguamcara plaintif, di bawah peraturan 28(2) Peraturan tersebut pihak berkuasa boleh mengenakan hukuman yang kurang serius daripada buang kerja atau turun pangkat selepas ia mempertimbangkan representasi daripada plaintif. Beliau berhujah bahawa walaupun plaintif telah membuat satu representasi bertulis melalui suratnya yang bertarikh 18 Ogos 1998, tetapi defendan pertama telah melalui suratnya yang bertarikh 2 Disember 1998 memberi satu peluang kepada plaintif untuk membuat satu representasi yang lanjut sebelum hukuman dikenakan. Menurut beliau, representasi yang dinyatakan di bawah peraturan tersebut merangkumi hak untuk plaintif membuat representasi lanjut sebagaimana yang diberikan oleh defendan pertama. Menurut beliau, plaintif telah diberikan satu harapan yang sah (legitimate expectation) bahawa defendan akan mendengarnya sebelum hukuman dikenakan. Peguamcara plaintif telah merujuk kepada petikan daripada buku teks *Judicial Review of Administrative Action* (Edisi ke 5) oleh de Smith, Woolf & Jowell, dan pandangan yang telah diberikan oleh Privy Council dalam kes *A-G of Hong Kong v Ng Yuen Shiu* [1983] 2 AC 629, pada ms 638 iaitu:

> … The justification for it is primarily that when a public authority has promised to follow a certain procedure, it is in the interests of good administration that it should act fairly and should implement its promise so long as implementation does not interfere with its statutory duty.

Dalam kes ini, plaintif telahpun, melalui suratnya bertarikh 20 Disember 1998, membuat satu representasi lanjut. Walau bagaimanapun, apabila plaintif cuba menyerahkan representasi lanjutnya kepada En Noor Aziz bin Muhammad Noor untuk seterusnya diserahkan olehnya kepada defendan pertama, surat tersebut tidak diterima oleh En Noor Aziz dan beliau seterusnya menasihatkan plaintif supaya menfailkan surat rayuan baru yang mempunyai hujah-hujah yang lebih konkrit, tetapi plaintif enggan berbuat demikian. Sebaliknya, plaintif telah membuat laporan polis terhadap En Noor Aziz.

Peguamcara plaintif berhujah bahawa hanya defendan pertama sendiri berhak untuk menolak representasi lanjutan plaintif tersebut. Beliau juga berhujah bahawa defendan pertama tidak menyatakan dalam keputusannya sama ada representasi lanjut plaintif telah dipertimbangkan oleh mereka sebelum mereka mengenakan hukuman buang kerja ke atas plaintif.

Oleh yang demikian, peguamcara plaintif telah berhujah bahawa penolakan representasi lanjutan plaintif oleh En Noor Aziz adalah salah di sisi undang-undang dan telah menyebabkan ketidakadilan prosedur, iaitu defendan tidak dapat membuat keputusan ke atas hukuman dengan sewajarnya tanpa terlebih dahulu mempertimbangkan representasi lanjutan plaintif itu.

Dalam kes *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang v Utra Badi a/l K Perumal* [2001] 2 MLJ 417, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa tidak terdapat hak berasingan untuk membuat representasi terhadap hukuman tersebut yang patut dilaksanakan ke atas pegawai yang akan dipecat atau diturunkan pangkat.

Dalam kes *Inspector-General of Police & Anor v Alan Noor bin Kamat* [1998] 1 MLJ 260, Salleh Abas LP mengatakan pada ms 262 bahawa:

> … if, however the show cause letter had included the proposed punishment, for example, by the inclusion of such statement of 'This proceedings is taken against you with a view to dismissal or reduction in rank …', or 'This proceedings is taken under general order 30 with a view to dismissal or reduction in rank …', or such other phraseology as would give the effect of making the respondent understand the nature of proceedings and what they would lead to, there is no necessity for the appellants to give another opportunity of being heard before the punishment is imposed.

Dalam kes ini, surat bertarikh 29 Julai 1998 daripada pengerusi defendan pertama dengan jelas mengatakan bahawa plaintif patut dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat. Oleh yang demikian, dengan tidak menimbang representasi lanjut plaintif, defendan pertama tidak melakukan apa-apa kesilapan dalam prosedur kerana sememangnya plaintif tiada hak berasingan untuk membuat representasi tentang hukuman.

Saya berpendapat bahawa doktrin harapan yang sah tidak terpakai dalam kes-kes tindakan tatatertib kerana kes-kes tindakan tatatertib tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan di bawah Peraturan tersebut. Lembaga tatatertib hanya perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah Peraturan tersebut. Lagipun, tiada kes di Malaysia yang telah menerimapakai doktrin tersebut dalam kes-kes tindakan tatatertib di bawah Peraturan tersebut.

Juga, saya berpendapat walaupun defendan pertama tidak menimbang representasi lanjutan daripada plaintif, ia tidak mendatangkan ketidakadilan dalam kes ini. Ini kerana defendan pertama telah menimbang rayuan plaintif dalam suratnya bertarikh 18 Ogos 1998. Sebahagian besar daripada kandungan surat plaintif bertarikh 20 Disember 1998 adalah ulangan kepada surat bertarikh 18 Ogos 1998.

Perkara-perkara lain yang dibangkitkan dalam surat bertarikh 20 Disember 1998 adalah aduan plaintif ke atas tingkah laku pegawai atasannya yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul, menganiaya plaintif dan plaintif mendakwa pegawai atasannya membuat pakatan atau konspirasi pihak atasannya terhadapnya. Perkara-perkara baru yang dibangkitkan ini bukan merupakan rayuan untuk meringankan hukuman, tetapi lebih merupakan pembelaan. Pada masa itu, pembelaan tidak lagi relevan kerana plaintif telahpun didapati bersalah ke atas pertuduhan yang dikenakan seperti dalam surat defendan pertama bertarikh 2 Disember 1998, iaitu ms 6 dan 7 IDP. Berpandukan perkara-perkara di atas, saya berpendapat bahawa hujah plaintif mengenai doktrin harapan yang sah juga tidak berasas.

*Pertuduhan lama (stale)*

Pertuduhan terhadap plaintif dibuat melalui surat tunjuk sebab bertarikh 29 Julai 1998 di mana plaintif dikatakan tidak hadir bertugas dari 16 Disember 1994 hingga 31 Disember 1995, iaitu lebih daripada tiga

tahun selepas kesalahan itu dilakukan. Peguamcara plaintif telah berhujah bahawa perkara-perkara dalam sesuatu pertuduhan itu mestilah hampir ('proximate') dengan tarikh surat tunjuk sebab untuk menjadikannya sah dan di dalam kes ini, terdapat suatu kelewatan melampau yang tidak dijelaskan. Bagi menyokong hujah ini, beliau merujuk secara analogi kepada prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Morgan a/l Perumal v K/I Hussein bin Abdul Majid & Ors* [1998] 3 MLJ 335. Disebabkan kelewatan tersebut, beliau berhujah bahawa ini telah menyebabkan ketidakadilan prosedur kepada plaintif. Saya berpendapat bahawa prinsip dalam kes *Morgan* itu, iaitu aktiviti-aktiviti jenayah perayu mestilah berdekatan dengan tarikh perintah penahanan tidak terpakai dalam kes tindakan disiplin. Ini kerana dalam kes perintah penahanan, seseorang ditahan bagi mencegah beliau daripada bertindak dalam mana-mana cara yang menjejaskan ketenteraman awam. Oleh itu, aktiviti-aktiviti jenayahnya mestilah berdekatan dengan tarikh perintah penahanannya. Walau bagaimanapun, dalam kes tindakan disiplin, ia bertujuan untuk mengenakan hukuman ke atas seseorang kerana melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Bab D Peraturan tersebut. Oleh yang demikian, tidak wujud ketidakadilan prosedur melalui kelewatan sedemikian. Di bawah Peraturan tersebut, tidak dinyatakan tempoh bagi sesuatu tindakan tatatertib diambil terhadap seseorang pegawai kerana melanggar peraturan kerja.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya telah menolak tuntutan plaintif dengan kos.

*Perintah seperti dipohon.*

Dilaporkan oleh Peter Ling